SOALAN PRAKTIS BESTARI
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA(JUJ) 2019

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 3756/2

PRINSIP PERAKAUNAN
Kertas 2 / Set 2

2 1/2 jam **Dua jam tiga puluh minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:* ***Bahagian A*** *dan* ***Bahagian B.***
2. *Jawab* ***tiga*** *soalan daripada* ***Bahagian A*** *dan* ***dua*** *soalan di* ***Bahagian B.***
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di atas kertas jawapan yang disediakan . Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat kemas dan dihantar pada akhir peperiksaan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

[Kertas Soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak]

Bahagian A
[60 markah]
Jawab **semua** *soalan*

1 (a). Nyatakan dua fungsi Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

1 (b). Nyatakan kesan inventori akhir terhadap kos jualan dan untung kasar.

Inventori akhir	Kos jualan	Untung kasar
Tinggi		
Rendah		

1 (c). Berikan contoh dokumen perniagaan yang sesuai.

Jenis Dokumen	Contoh
Dokumen sumber	
Dokumen bukan sumber	

YAYASAN PAHANG

1 (d). Berikut merupakan petikan akaun realisasi Perkongsian Waja.

Akaun Realisasi

Tarikh	Butiran	Jumlah	
2019		RM	
Jun 30	Bank	330	

Nyatakan dua sebab urus niaga di atas berlaku.

1 (e). Maklumat berikut dipetik dari buku perakaunan Aliza Food Industries pada 30 Jun 2019.

	RM
Inventori akhir barang siap	3 300
Kos pengeluaran	84 300
Belian barang siap	58 000
Jualan barang siap	220 000

Hitungkan Untung kasar.

YAYASAN PAHANG

2. Encik Ikhwan ialah pemilik perniagaan Kedai Mainan Musashi yang beroperasi di Bandar Citra, Pekan Pahang. Berikut ialah maklumat yang diperoleh daripada buku-buku perniagaannya:

Kedai Mainan Musashi
Imbangan Duga pada 31 Mac 2019

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Perabot (kos)	25 600	
Kenderaan (kos)	88 600	
Bangunan kedai (kos)	235 000	
Susut nilai terkumpul;		
Perabot		2 560
Kenderaan		26 580
Inventori pada 31 Mac 2019	33 650	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	25 640	41 890
Bank		11 460
Tunai	210	
Untung kasar		238 310
Diskaun		1 470
Insurans	9 000	
Kos pengangkutan	5 680	
Gaji pekerja	29 160	
Belanja Utiliti	4 480	
Sewa Bangunan kedai		6 600
Ambilan	3 720	
Peruntukan Hutang Ragu		3 210
Pinjaman Bank Industri		48 000
Faedah atas pinjaman	3 300	
Modal pada 1 April 2018		83 960
	464 040	464 040

YAYASAN PAHANG

Maklumat tambahan pada 31 Mac 2019:

(i) Inventori pada 31 Mac 2019

Nilai Kos (RM)	Nilai Pasaran (RM)
33 650	32 850

Perekodan inventori akhir telah menggunakan nilai kos berbanding nilai pasaran.

(ii) Pengagihan kos pengangkutan:

Angkutan masuk	Angkutan keluar
40%	60%

(iii) Kaedah penilaian susut nilai aset bukan semasa adalah seperti berikut:

	Kadar	Kaedah
Perabot	10%	Baki berkurangan
Kenderaan	15%	Ansuran tetap

(iv) Dokumen Bil Tunai (salinan) dan Nota Kredit (salinan) masing-masing bernilai RM380 dan RM470 yang diberikan kepada pelanggan masih belum direkodkan.

(v) Bil internet bagi bulan Mac 2019 masih belum dibayar bernilai RM190.

(vi) Polisi insurans dibeli pada 1 Julai 2018 adalah untuk setahun.

(vii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima bersih.

(viii) Pinjaman akan matang pada 31 Mac 2022 telah dibuat pada 1 April 2016 berjumlah RM96 000. Bank industri menawarkan kadar faedah serendah 4% setahun atas nilai asal pinjaman.

Anda dikehendaki menyediakan :

(a) Penyata Menyelaraskan Untung Kasar.

(b) Akaun Untung Rugi Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2019.

(c) Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Mac 2019.

3. Kedai Runcit Daniel yang dimiliki oleh Encik Ikhsan mengamalkan sistem catatan tunggal dalam penyediaan rekod perakaunannya.

Baki-baki aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

i.

	1 Januari 2018	**31 Disember 2018**
	RM	**RM**
Lengkapan	64 700	68 200
Kenderaan (harga kos)	45 800	45 800
Susut nilai terkumpul kenderaan	9 160	?
Tunai	230	360
Bank	7 750	17 970
Akaun Belum Terima	9 760	8 830
Peruntukan Hutang Ragu	1 170	?
Inventori	5 790	7 210
Insurans prabayar	730	1 460
Gaji belum bayar	1 800	3 600
Akaun Belum Bayar	3 940	4 190
Pinjaman Hyperbank	78 400	68 600
Modal	40 290	?

ii.

Penerimaan;	**Tunai**	**Bank**
	RM	**RM**
Jualan	2 720	28 910
Akaun Belum Terima	-	30 480
Tunai di Bank	-	1 400
Komisen	190	2 180

iii.

Pembayaran	**Tunai**	**Bank**
	RM	**RM**
Gaji	700	7 400
Insurans	-	8 600
Belian	520	7 180
Akaun Belum Bayar	-	12 630
Perabot	-	5 600
Pinjaman	-	?
Ambilan	?	1 540
Tunai di Bank	1 400	-

YAYASAN PAHANG

Maklumat tambahan;

i. Pengiraan susut nilai aset bukan semasa adalah seperti berikut:

(a) Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.

(b) Lengkapan disusutnilaikan mengikut kaedah penilaian semula.

ii. Hutang lapuk dihapuskan bernilai RM540 dan pelarasan peruntukan hutang ragu menghasilkan pengurangan peruntukan hutang ragu bernilai RM 270.

iv. Inventori telah digunakan oleh pemilik untuk keperluan keluarganya bernilai RM720 untuk setiap tempoh tiga bulan belum direkodkan.

v. Faedah atas pinjaman adalah 4% setahun atas baki awal pinjaman tahun semasa dan dibayar bagi setiap tempoh enam bulan dengan cek. Pinjaman akan matang pada 31 Disember 2025.

v. Pulangan atas modal bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 ialah 37%.

Anda dikehendaki menyediakan;

(a) Buku Tunai.

(b) Akaun-akaun yang sesuai untuk menunjukkan:
   (i) Jualan kredit
   (ii) Belian kredit
   (iii) Modal akhir

(c) Akaun Perdagangan Dan Untung Rugi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.

(d) Mengira Pulangan Atas Modal Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018. Nilaikan prestasi perniagaan tersebut serta berikan alasannya.

YAYASAN PAHANG

Bahagian B
40 markah
*(Jawab mana-mana **DUA** soalan)*

4. Encik Zhafier adalah seorang usahawan songkok baldu buatan tangan yang dihasilkan di bengkelnya dengan bantuan seorang pekerja yang dibayar upah RM5.00 bagi setiap unit songkok. Pengeluaran songkok dibuat secara kelompok dalam kuantiti 100 unit. Setiap unit songkok dijual dengan harga RM37.50.
Kos bahan melibatkan perkara berikut:

	Meter
Kain Baldu	18
Fabrik	24
Kertas keras	12

Kos lain yang terlibat ialah:

	RM
Elektrik	130.00
Belanja am	45.00
Pelbagai	25.00

Berikut adalah senarai harga bahan yang dibeli daripada pembekal fabrik Gempita Berhad:

	Harga semeter (RM)
Kain Baldu	25.00
Fabrik	10.00
Kertas keras	5.00

(a) Kirakan:
(i) Kos berubah seunit
(ii) Kos tetap
(iii) Titik pulang modal dalam ringgit
(iv) Keuntungan yang akan diterima jika 150 unit songkok berjaya dijual dengan tambahan kos tetap sebanyak 20%.

(b). Lakarkan [abaikan maklumat di a(iv)]:
(i) Garisan Kos Tetap
(ii) Garisan Jumlah Hasil
(iii) Garisan Jumlah Kos
(vi) Labelkan Titik Pulang Modal
(v) Lorekkan Kawasan Untung Dan Rugi.

YAYASAN PAHANG

5 (a) Huda dan Dylan merupakan pekongsi bagi Perkongsian HD. Mereka membahagikan untung dan rugi mengikut nisbah modal awal. Pada 31 Mac 2019, mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian. Kedudukan aset dan liabiliti perniagaan adalah seperti berikut.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Alatan kedai	37 000	
Perabot	22 000	
Inventori	23 330	
Bank	2 410	
Akaun belum terima	4 560	
Akaun belum bayar		9 030
Akaun modal Huda		60 000
Akaun modal Dylan		20 000
Akaun semasa Huda		1 220
Akaun semasa Dylan	930	

Perkara berikut telah dipersetujui ketika pembubaran;

(i) Aset-aset dijual pada nilai berikut;
Alatan kedai RM30 000
Inventori RM20 000

(ii) Huda telah mengambil alih perabot dengan harga RM15 000.

(iii) Semua hutang dapat dikutip kecuali RM460 dianggap sebagai hutang lapuk.

(iv) Akaun belum bayar dijelaskan dengan potongan 10% daripada jumlah hutang.

(v) Kos pembubaran berjumlah RM597.

(vi) Baki akaun semasa dipindah ke akaun modal.

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Belum Terima

(b) Akaun Belum Bayar

(c) Akaun Realisasi

(d) Akaun Semasa setiap pekongsi

(e) Akaun Modal setiap pekongsi

YAYASAN PAHANG

5 (b) Maklumat berikut menunjukkan sebahagian penerimaan dan pembayaran pada 31 Disember 2018.

Penerimaan	RM	**Pembayaran**	RM
Komisen	15 400	Sewa	19 800
		Insurans	3 600

Maklumat tambahan:
(i) Premis disewa RM1 800 sebulan.
(ii) Komisen belum terima RM1 400.
(iii) Insurans dibayar bagi tempoh setahun berakhir 31 Mac 2019

Anda dikehendaki menyediakan:
(a) Akaun Sewa
(b) Akaun Komisen diterima
(c) Akaun Insurans

YAYASAN PAHANG

6. Encik Asri menjalankan perniagaan menjual pakaian unit beruniform untuk pelajar sekolah di bandar Raub, Pahang. Berikut ialah senarai baki-baki akaun perniagaannya pada 31 Mei 2019.

	Debit (RM)	**Kredit (RM)**
Lengkapan (kos)	48 000	
Inventori 1 Jun 2018	14 650	
Belian dan jualan	162 600	240 200
Pulangan	260	
Sewa	15 620	
Kadar bayaran	2 910	
Akaun Belum Terima	3 100	
Akaun Belum Bayar		6 000
Komisen		2 040
Angkutan	1 600	
Gaji	27 600	
Bank	26 540	
Tunai	360	
Modal 1 Jun 2018		55 000

Maklumat tambahan :

(i) Inventori 31 Mei 2019

Jenis barang	Kuantiti (Unit)	Harga kos (RM)	Harga pasaran (RM)
Uniform PBSM	25	180.00	160.00
Uniform KRS	25	130.00	150.00
Uniform Pandu Puteri	20	160.00	190.00
Uniform Pengakap	20	110.00	125.00

(ii) Komisen belum terima RM450.

(iii) Kadar bayaran bagi bulan Mei 2019 berjumlah RM270 masih belum dijelaskan.

(iv) Ambilan barang niaga RM200 telah direkod sebagai ambilan tunai.

(v) Perniagaan mempunyai dua orang pekerja dengan kadar gaji RM1 200 sebulan bagi setiap pekerja.

(vi) 30% dari belanja angkutan merupakan kos mengangkut barang ke premis perniagaan

(vii) Sewa RM1 100 sebulan. Mulai bulan Januari 2019, kadar sewa telah meningkat 20% daripada kadar asal.

YAYASAN PAHANG

Anda dikehendaki :

(a) Menyediakan Akaun perdagangan dan untung rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2019.

(b) Menghitung
   (i) Mark up
   (ii) Margin untung bersih
   (iii) Kadar pusing ganti inventori
   (iv) Pulangan atas modal

KERTAS SOALAN TAMAT

YAYASAN PAHANG